

Family Tax Benefit Part B (Faedah Cukai Keluarga Bahagian B)



Family Tax Benefit Part B—Malay

Memberi bantuan tambahan kepada keluarga dengan ibu bapa tunggal dan keluarga dengan pasangan ibu bapa yang menerima satu pendapatan utama, di mana seorang ibu bapa memilih untuk tinggal di rumah atau mengimbangi sebahagian pekerjaan bergaji dengan menjaga anak mereka.

Faedah Cukai Keluarga Bahagian B dinilai berdasarkan pendapatan pencari nafkah utama mahupun sekunder. Ibu bapa tunggal yang layak sentiasa menerima kadar bayaran maksimum.

Jika anda memilih untuk menerima bayaran anda setiap dua minggu, anda akan perlu menganggarkan pendapatan keluarga anda untuk tahun kewangan yang mendatang. Anda juga boleh memilih untuk menerima Family Tax Benefit Part B anda secara tahunan sebagai bayaran sekaligus. **Mengajukan tuntutan secara bulanan mengurangkan risiko anda menerima bayaran berlebihan.**

Siapa boleh menerima faedah ini?

Anda mesti:

- merupakan keluarga ibu bapa tunggal sekiranya pendapatan ibu bapa lulus ujian pendapatan pencari nafkah utama; atau
- merupakan keluarga ibu bapa berpasangan sekiranya pendapatan kedua-dua ibu bapa lulus ujian pendapatan pencari nafkah utama; dan
- memberi penjagaan kepada anak tanggungan selama 35 peratus masa; **dan**
- memenuhi syarat mastautin Australia bagi tujuan bantuan keluarga.
- jika anda berkongsi penjagaan anak anda, antara 35 hingga 65 peratus masa, anda mungkin layak menerima sebahagian daripada Faedah Cukai Keluarga Bahagian B.

Jika anda bersama-sama menjaga anak anda, anda mungkin layak menerima Family Tax Benefit Part B untuk masa anak berada dalam penjagaan anda.

Berapa banyak yang boleh saya terima?

Semua kadar adalah betul pada 01/07/2008

Kadar maksimum Family Tax Benefit Part B adalah seperti berikut:

Umur anak yang paling muda	Setiap dua minggu	Per tahun (termasuk suplemen)
Di bawah 5 tahun	\$128.80	\$3,693.80
5-15 tahun (atau 16-18 tahun jika pelajar penuh masa)	\$89.74	\$2,675.45

Apakah Ujian Pendapatan?

Ujian pendapatan pencari nafkah utama sebanyak \$150,000 ke bawah akan dikenakan untuk keluarga ibu bapa tunggal dan ibu bapa berpasangan. Keluarga ibu bapa tunggal akan sentiasa menerima kadar maksimum Faedah Cukai Keluarga Bahagian B jika pendapatan berada di bawah had pendapatan pencari nafkah utama.

Dalam keluarga berpasangan, ujian pendapatan pencari nafkah sekunder akan dikenakan sekiranya pendapatan pencari nafkah utama sebanyak \$150,000 ke bawah per tahun. Pencari nafkah sekunder boleh menerima pendapatan sebanyak \$4,526 per tahun dan masih menerima kadar maksimum Faedah Cukai Keluarga Bahagian B. Jika pendapatan pencari nafkah sekunder melebihi \$4,526 per tahun, bayaran dikurangkan sebanyak 20 sen untuk setiap dolar pendapatan.

We speak your language ☎ 13 1202

www.familyassist.gov.au



Australian Government
Family Assistance Office

Ibu bapa yang layak akan menerima sebahagian Faedah Cukai Keluarga Bahagian B jika pendapatan pencari nafkah yang lebih rendah di bawah:

- \$22,995 setahun jika anak paling kecil berumur di bawah 5 tahun atau
- \$17,904 setahun jika anak paling kecil berumur antara 5 hingga 18 tahun

Apakah Family Tax Benefit Part B Supplement (Suplemen Faedah Cukai Keluarga Bahagian B)?

Ini merupakan peningkatan dalam kadar tahunan Faedah Cukai Keluarga Bahagian B sampai sebanyak \$335.80 per keluarga, dan dibayar pada akhir tahun kewangan apabila anda dan pasangan anda mengajukan laporan cukai. Sila hubungi Pejabat Bantuan Keluarga jika anda dan pasangan anda tidak perlu mengajukan laporan cukai. Tambahan Faedah Cukai Keluarga Bahagian B digunakan untuk membalas imbal bayaran berlebihan belum lunas sekiranya keluarga telah dibayar berlebihan.

Ibu bapa kembali bekerja

Dari 1 Julai 2005, ibu bapa yang kembali bekerja setelah kelahiran anak mungkin layak menerima Family Tax Benefit Part B untuk jangka masa tahun kewangan sebelum kembali bekerja. Jika anda atau pasangan anda telah kembali bekerja setelah mempunyai bayi, anda harus memberitahu Family Assistance Office.

Untuk maklumat lanjut:

- Hubungilah Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) pada nombor **13 1202** antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Standard Timur) Isnin hingga Jumaat untuk maklumat dalam bahasa Melayu.
- Kunjungilah tapak web di www.familyassist.gov.au
- Sila kunjungi Pejabat Bantuan Keluarga terdekat di pejabat Medicare Australia, Pusat Perkhidmatan Pelanggan Centrelink dan Pejabat Cukai Australia.